

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
PERBINCANGAN PEMURNIAN DOKUMEN BERKAITAN PELAN PERNIAGAAN
DAN KERTAS KERJA MEMORANDUM JEMAAH MENTERI MENGENAI
PENUBUHAN BRITISH MALAYSIAN INTERNATIONAL COLLEGE (BMIC)
PADA HARI JUMAAT, 23 APRIL 2010, PUKUL 8.30 MALAM
DI HOTEL GRAND CONTINENTAL, KUANTAN**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Rakan-rakan saya:

Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UMP;

Profesor Dato' Dr. Mohd Nor Husain,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTeM;

Profesor Dr. Sazali Yaacob,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UniMAP;

Profesor Dr. Rugayah Mohamed,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTHM;

Profesor Ir. Dr. Zainal Abidin Ahmad,

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi & Pembangunan),
UTHM;

Wakil-wakil IPTA;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dan salam sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya telah berpeluang untuk bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan di majlis ini.
2. Sebagai tuan rumah kepada sesi perbincangan ini, saya ingin mengucapkan "Selamat Datang" kepada para peserta yang hadir mewakili keempat-empat IPTA dalam jalinan *Malaysian Technical Universities Network* (MTUN).

MEREALISASIKAN SEBUAH AGENDA

3. Tuan-tuan dan puan-puan,

Hadirnya kita di sini adalah untuk menyempurnakan sebuah misi yang amat jelas. Bermula dengan jalinan kerjasama dengan pihak *Northern Consortium United Kingdom* (NCUK) pada tahun 2009, maka idea asal untuk menubuhkan *Multi-University International Campus* (MUIC) telah tercetus.

4. Alhamdulillah, secara dasarnya idea asal ini telah diterima dengan baik dan didukung oleh rakan-rakan dalam MTUN, sekaligus memotivasikan lagi usaha proaktif untuk menggerakkan penubuhannya. Pada hemat saya, penubuhan entiti ini adalah manifestasi komitmen kita untuk mengantarabangsakan industri pengajian tinggi negara melalui pakatan dan permuafakatan strategik dengan rakan kongsi yang berpotensi dan berkredibiliti dari luar negara.

5. Tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum bahawa sejak tahun lepas lagi, kita kita berusaha keras untuk membentangkan cadangan penubuhan MUIC kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi. Setelah beberapa kali ditunda, Alhamdulillah, pada 5 April yang lalu, saya dan Profesor Dato' Dr. Sabarudin telah dapat bertemu dengan dengan Dato' Seri Mohamad Khaled Nordin untuk membincangkan perkara ini.

6. Secara keseluruhannya, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah memberikan reaksi positif terhadap inisiatif yang sedang digerakkan ini. MUIIC telah dijenamakan semula kepada *British Malaysian International College* (BMIC) dan sebagaimana persetujuan sebelum ini, BMIC akan berfungsi sebagai laluan kepada pelajar antarabangsa untuk mengikuti program di peringkat persediaan serta platform kepada pelajar tempatan untuk menyambung pengajian ke luar negara. Jika penubuhan BMIC menjadi satu realiti, kita bakal menyaksikan pertambahan peratusan pelajar antarabangsa di universiti-universiti MTUN.

WHAT'S NEXT?

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Oleh yang demikian, pertemuan kita di Kuantan yang bermula hari ini dan berakhir esok hari adalah amat penting untuk merumuskan beberapa perkara untuk tindakan segera bagi merealisasikan penubuhan BMIC. Paling utama, perjumpaan ini perlulah berupaya merumuskan dokumen berkenaan pemurnian pelan perniagaan BMIC dan seterusnya merangka Memorandum Jemaah Menteri

bagi membolehkan cadangan ini menerima lampu hijau daripada kerajaan.

8. Oleh kerana pihak UMP telah diberi kepercayaan oleh rakan-rakan dalam MTUN untuk menjadi Pengerusi dan urus setia pelaksanaan program kerjasama ini, maka adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membuat koordinasi secara konsisten dengan rakan-rakan dalam MTUN bagi memudahcara urusan dan tindakan lanjut yang perlu dijalankan selepas ini.
9. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Menteri telah membangkitkan perkara-perkara berikut sebagai antara tindakan susulan yang memerlukan perhatian kita bersama selepas ini:
 - i. Menyemak semula kelayakan masuk di peringkat persediaan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
 - ii. Melihat kelayakan program BMIC untuk memasuki Tahun Pertama pengajian program kejuruteraan termasuklah aspek mobility pelajar;

- iii. Mendapatkan statistik pelajar yang melanjutkan pengajian di luar negara sama ada masih mencukupi atau tidak, terutama dari segi pembiayaan oleh pihak MARA, JPA dan PTPTN; dan
 - iv. Menyemak sekiranya wujud pertindihan antara program BMIC dengan Kolej Matrikulasi;
10. Di pihak MTUN pula, kita akan meminta kerjasama dan jasa baik Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi untuk membantu kita mendapatkan lesen perniagaan bagi menjalankan BMIC sebagai sebuah entiti tersendiri, dan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang berkaitan mengikut Akta Syarikat 1965 dan kelulusan Jemaah Menteri. Selain itu, kita juga perlu memperhalusi beberapa perkara lain seperti memorandum perjanjian dengan pihak NCUK, perjanjian rakan kongsi, carta organisasi dan sebagainya.

KATA PENUTUP

11. Tuan-tuan dan puan-puan,

Ternyata sekali bahawa masih banyak lagi usaha yang perlu kita gembeng bagi merealisasikan agenda ini. Saya percaya, cabaran ini akan dapat ditangani dengan berkesan melalui kerjasama dan komitmen kolektif rakan-rakan dalam MTUN untuk menadikan inisiatif ini dengan jayanya. Adalah menjadi doa dan harapan saya mudah-mudahan pertemuan kita pada hari ini dan esok akan dapat mencapai tujuan dan matlamat yang telah digariskan dengan input sumbangsaran dan percambahan fikiran daripada tuan-tuan dan puan-puan.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dan semoga tuan-tuan dan puan-puan berpuas hati dengan layanan dan sambutan daripada kami sebagai tuan rumah.

Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.